



Perkhidmatan Nilai Tambah

untuk mendapatkan bekalan susulan ubat-ubatan daripada Program Perkhidmatan Farmasi di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia.





Apakah itu MyUBAT ?

MyUBAT adalah aplikasi telefon pintar untuk :

- memudahkan dan mempercepatkan urusan pendaftaran serta pengambilan bekalan ubat susulan pesakit dari fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia.
- membolehkan pesakit memantau temu janji perkhidmatan nilai tambah farmasi.

Apakah perkhidmatan yang disediakan melalui MyUBAT?

Terdapat dua perkhidmatan nilai tambah farmasi yang disediakan pada masa ini, iaitu :



I. Sistem Temu Janji

Pesakit boleh mendapatkan bekalan ubat susulan di fasiliti kesihatan pada tarikh temu janji yang telah dipersetujui antara pesakit dan pihak farmasi.



2. Ubat Melalui Pos (UMP)

Bekalan ubat susulan pesakit boleh dihantar oleh syarikat penghantaran ke lokasi pilihan pesakit dengan caj tertentu.



6

Faedah Menggunakan Aplikasi MyUBAT

- 1 Memudahkan proses pendaftaran pesakit untuk mendapatkan perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi.
- 2 Menjimatkan masa menunggu kerana bekalan ubat disediakan sebelum tarikh temu janji.
- 3 Menjimatkan kos perjalanan bagi pesakit yang tinggal jauh dari fasiliti kesihatan.
- 4 Mengurangkan masalah untuk mencari parkir kenderaan atau beratur.
- 5 Bekalan ubat susulan dapat dihantar ke lokasi pilihan pesakit.
- 6 Dapat menjamin kesinambungan bekalan ubat susulan pesakit.



MyUBAT

Bagaimana untuk menggunakan aplikasi MyUBAT ?

1



Muat turun
aplikasi MyUBAT

2



Daftar perkhidmatan
bekalan ubat susulan

3



Semak status bekalan
ubat atau temu janji

4



Pinda tarikh temu
janji (jika perlu)

Hubungi pegawai farmasi di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia untuk sebarang pertanyaan berkaitan aplikasi ini.

Mari ikuti
4 langkah
mudah ini.



www.pharmacy.gov.my



Program Perkhidmatan Farmasi